

TEKS UCAPAN

BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

PADA MAJLIS PERASMIAN

PENUTUP SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN

(SUKANUN) VIII

DI KOMPLEKS DEWAN KULIAH UniMAP

SELASA, 2 JULAI 2013

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

**Salam Perlis, `Raja Ditaati, Rakyat Dirahmati, Negeri
Disanjungi'**

SALUTASI RASMI

1. Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd. Shukor Haji Mahfar, Ketua Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia merangkap Yang Dipertua Persatuan Badan Berkanun Malaysia.
2. Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohammad Said, Timbalan Naib Canselor HEP UiTM merangkap Pengurus Biro Sukan dan Kesenian Persatuan Badan-Badan Berkanun
3. Ketua-Ketua Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Badan Berkanun atau wakil

4. Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Rektor atau wakil
5. Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Badan Berkanun Malaysia
6. Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan
7. Kontinjen-kontinjen SUKANUN
8. Wakil-wakil media
9. Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan rahmat dan keizinanNya Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun (Sukanun) 8 selama 10 hari di UniMAP berjalan dengan lancar. Di kesempatan ini ingin saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Barisan Jawatankuasa Pelaksana Sukanun 8 yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran perjalanan sukan Dwi Tahunan ini, sesungguhnya hanya Allah yang dapat membala jasa baik tuan-tuan semua.
2. Setinggi-tinggi terima juga saya ucapkan kepada Persatuan Badan Berkanun Malaysia yang memberi kepercayaan kepada UniMAP untuk menganjurkan temasya sukan sebesar ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

SUKANUN VIII LEBIH MENCABAR

3. Saya difahamkan bahawa penyertaan dari setiap kontijen pada tahun ini menyaksikan saingan yang lebih hebat. Semangat kesukanan yang ditunjukkan oleh para atlet dan sokongan daripada pasukan menjadikan kejohanan Sukanun VIII kali ini semakin mencabar disamping pertambahan acara dari penganjuran sebelumnya memberi peluang kepada atlet untuk menyertai pelbagai jenis sukan.
4. Sepanjang Sukanun ini juga, dapat kita melihat kepelbagaian agensi yang beraksi di acara akhir yang mana ia mengubah lanskap pertandingan yang sebelum ini didominasi oleh satu atau dua agensi sahaja.
5. Hal ini secara tidak langsung membuktikan kesedaran yang semakin tinggi di kalangan majikan dari setiap agensi yang terlibat untuk memberikan fokus dan tumpuan kepada kakitangan yang aktif bersukan.
6. Di UniMAP sendiri, pengambilan atlit untuk bekerja bukanlah bersifat semusim – dalam erti kata lain diambil khusus untuk sesuatu kejohanan, sebaliknya setiap atlit yang diambil bekerja akan terus berkhidmat dengan UniMAP, malah ada yang sudah diberikan jawatan tetap di sini.

PENUTUP

7. Di kesempatan ini, dengan tulus ikhlas, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat di atas sokongan yang berterusan dalam menjayakan kejohanan ini. Tidak dilupa juga, kepada semua pengurus, ketua pasukan dan atlit atas keterlibatan dan semangat kesukuan yang tinggi yang ditonjolkan sepanjang kejohanan ini.
8. Setinggi penghargaan juga kepada Jawatankuasa Pelaksana di bawah En Zuber Haji Mohammad bersama pasukannya kerana telah menyumbang masa dan tenaga serta komitmen bagi memastikan Kejohanan Sukanun ke-8 ini berjaya dilaksanakan.
9. Saya ingin merakamkan penghargaan dan menjunjung kasih buat Pejabat DYMM Raja Perlis, Kerajaan Negeri Perlis, Pejabat SUK Negeri Perlis, Kementerian Pendidikan, PDRM Kontinjen Perlis, Majlis Sukan Negeri Perlis, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perlis, UiTM Perlis, Persatuan-persatuan sukan negeri Perlis, UUM dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penganjuran SUKANUN ke-8 ini. Sesungguhnya saya amat mengharapkan kerjasama ini dapat ditingkatkan lagi di masa-masa akan datang. Insya Allah.
10. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya dengan rendah diri ingin memohon seribu kemaafan sekiranya terdapat sebarang kekurangan dari pihak kami

sepanjang kejohanan ini berlangsung. Insya Allah segala kekurangan ini akan dibaiki di masa akan datang untuk penganjuran sukan yang lebih baik.

11. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pasukan yang berjaya memenangi pingat di Sukanun VIII kali ini, dan kepada yang tidak berjaya, jangan putus asa. Tingkatkan usaha dan perancangan yang membina di masa yang akan datang. sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

Masak Gulai Ikan Haruan

Untuk Putera Buat Bekalan

SUKANUN VIII Medan Pertemuan

Moga Silaturrahim Terus Berkekalan

Buah Selasih Buah Kelubi,

Di Dalam Dulangan Hidangan Pagi

Terima Kasih Daun Keladi,

Bila Diundang Datanglah Lagi.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.